
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

IWK 103/4 – PENGHASILAN PULPA DAN PENGITARAN KERTAS

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA dari enam soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

SOALAN 1:

Bahagian A (Jawab dalam Borang OMR)

1. Sembilan puluh empat peratus sumber gentian untuk kertas adalah dari tumbuhan berkayu dan enam peratus lagi dari tumbuhan bukan kayu. Tumbuhan bukan kayu kurang digunakan kerana
 - I. Susah untuk disimpan
 - II. Bermusim
 - III. Mahal harganya
 - IV. Gentianya terlalu panjang
 - A. I
 - B. I & II
 - C. I, II & III
 - D. I, II, III & IV

2. Tujuh puluh peratus pulpa dunia dihasilkan secara pemulpaan kimia. Dalam pemalpaan kimia pula, 90% adalah pemalpaan sulfat atau kraft. Mengapa pemulpaan kraft menjadi pilihan?
 - I. Boleh digunakan untuk semua jenis spesis tumbuhan
 - II. Bahan kimia pemalpaan boleh dikitar semula
 - III. Hasilnya boleh mencecah sehingga 85%
 - IV. Tidak mencemarkan alam sekitar
 - A. I
 - B. I & II
 - C. I, II & III
 - D. I, II, III & IV

...3/-

3. Pelunturan kekal lignin atau pelunturan pemutihan digunakan dalam pelunturan pulpa.
- A. Kraf
 - B. Sulfit
 - C. Soda
 - D. Kayu-kisar-batu
4. Pelunturan dijalankan dalam siri urutan tertentu, contohnya CECE, CEHEDE, CED dan lain-lain. Mengapakah perlunya siri urutan ini?
- A. Jimatkan kos
 - B. Mengurangkan pencemaran
 - C. Mendapatkan kecerahan yang diingini
 - D. Menghasilkan pulpa yang kuat
5. Dalam senarai di bawah, yang manakah merupakan jenis pemulpaan mekanik?
- I. Pemulpaan termo-mekanik (thermomechanical)
 - II. Pemulpaan penghalus mekanik (refiner mechanical)
 - III. Pemulpaan kayu-kisar-batu (groundwood)
 - IV. Pemulpaan kemi-termo-mekanik (chemithermomechanical)
- A. I
 - B. I & II
 - C. I, II & III
 - D. I, II, III & IV

(10 markah)

...4/-

Bahagian B

Dalam ujikaji sifat-sifat serpih kayu, Kumpulan X mendapati ketebalan (mm) serpih-serpih kayu adalah seperti berikut:

	Sampel 1	Sampel 2	Sampel 3	Sampel 4	Sampel 5
1	2.5	3.2	7.6	1.5	5.0
2	3.2	3.5	5.3	2.3	5.2
3	4.7	6.0	2.6	3.6	4.3
4	2.8	2.5	3.6	3.4	4.6
5	5.0	1.2	3.4	3.8	3.2
6	5.5	6.4	4.7	4.2	2.1
7	7.8	3.5	3.9	5.7	1.9
8	4.2	4.2	5.2	6.8	3.3
9	4.6	5.0	3.0	3.9	3.7
10	3.2	4.8	6.3	4.3	6.5

Dari jadual di atas, berapakah peratusan:

- a. serpih yang dapat digunakan untuk pemulpaan kraft,
- b. serpih yang akan diserpih semula,
- c. serpih yang ditolak (reject).

(10 markah)

...5/-

SOALAN 2:

Syarikat OP Biomass Sdn. Bhd. menghasilkan 200 tan (berat kering oven) pulpa soda tak luntur dalam sehari. Operasi pengeluaran di kilang pulpa ini adalah seperti berikut:

Serpih spesis yang digunakan:

Tandan kosong buah kelapa sawit (EFB);
ketumpatannya 0.25; kandungan
lembapannya 50%

Pemulpaan:

Natrium hidrosida (NaOH)

20% berdasarkan berat kering EFB

Nisbah likur:EFB

8:1

Suhu maksimum

170°C

Masa Pemulpaan (Cooking Time)

3 jam (90 minit ke suhu maksimum; 90
minit di suhu maksimum)

Hasil terskrin (Screened Yields)

50%

Hasil tertolak (Rejects)

2.0%

Kandungan lembapan dalam pulpa

50%

Nombor Kappa

25

Kepekatan NaOH dalam likur putih

50 g/l.

Sebagai seorang Pengurus Pemulpaan, lengkapkan data keperluan harian di bawah:

- (a) penggunaan EFB, tan
- (b) penggunaan EFB, m³
- (c) penggunaan NaOH, tan
- (d) penghasilan pulpa terskrin, tan
- (e) penghasilan pulpa tertolak, tan
- (f) penggunaan air dalam pemulpaan, m³

(20 markah)

...6/-

SOALAN 3:

- (a) Senaraikan lima pulpa terluntur yang berubah warna (colour reversion) setelah beberapa lama terdedah kepada cahaya matahari, dan mengapakah perubahan warna ini berlaku?
- (b) Apakah kelebihan dan kelemahan perlunturan berperingkat?
- (c) Apakah perbezaan yang utama dalam perlunturan pulpa kimia dan pulpa mekanik?

(20 markah)

SOALAN 4:

- (a) Apakah yang anda fahami dengan gentian sekunder?
- (b) Berbanding dengan gentian dara, kekuatan gentian sekunder adalah lebih lemah. Dengan bantuan gambarajah jelaskan kenapa fenomena ini berlaku?
- (c) Huraikan dua cara bagaimana kekuatan kertas yang berdasarkan gentian sekunder boleh ditingkatkan.

(20 markah)

SOALAN 5:

Berikan nota pendek untuk istilah-istilah di bawah:

- (a) Nombor Kappa
- (b) Faktor-H
- (c) Pelunturan bebas klorin “TCF”
- (d) Sistem KASKAD
- (e) Pencuci hadapan (forward cleaner).

(20 markah)

...7/-

SOALAN 6:

- (a) Mengapakah semasa pencucian pulpa sekunder, beberapa siri pencuci emperan hadapan dan belakang di gunakan?
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan kontaminan dan bagaimana ia boleh mempengaruhi kertas yang dihasilkan?
- (c) Lakarkan carta aliran pemprosesan kertas sekunder untuk kertas bod.

(20 markah)

- ooo000ooo -